

18 SEP 2000

Mahathir-Islam

UMAT ISLAM BERTANGGUNGJAWAB PERBETUL SALAH TAFSIRAN AGAMA, KATA MAHATHIR

KOTA KINABALU, 18 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata umat Islam dan mereka yang dipertanggungjawabkan dalam soal agama Islam perlu memperbetulkan salah tafsiran mengenai Islam.

Katanya, walaupun perbezaan dalam perkara-perkara yang bukan pokok kepada ajaran Islam memanglah perkara biasa yang diterima oleh agama Islam, tetapi jika perbezaan itu ketara dan jelas bertentangan dengan ajaran Islam, maka ia perlu diperbetulkan.

"Adalah tidak bertanggungjawab jika mereka yang dipertanggungjawabkan memelihara kesucian agama Islam, membiarkan ajaran sesat dan dakwaan yang bertentangan dengan ajaran Islam berkembang, mengeliru serta menghancurkan aqidah orang Islam," katanya ketika merasmikan Majlis Tilawan Al-Quran Peringkat Kebangsaan di sini.

Dr Mahathir berkata: "Bukan mudah untuk memahami isi kandungan al-Quran...sementara ada ayat-ayat yang tepat dan mudah difahami, ada pula yang tidak begitu jelas melainkan setelah diulas dan diterangkan maksudnya oleh ulama yang mendalami ajaran Islam dan al-Quran."

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata ulama yang dimaksudkan ialah mereka yang tidak mempunyai kepentingan lain selain daripada keikhlasan dan keinginan untuk membantu umat Islam dalam ajaran Islam yang sebenarnya.

"Jika ulama yang membuat penjelasan dan tafsiran mengenai isi kandungan al-Quran adalah terdiri daripada mereka yang berkepentingan lain, tidak dapat tidak ulasan dan tafsiran akan dibuat dengan tujuan menghalalkan atau memajukan kepentingan diri atau puak, tarikat atau mazhabnya sahaja," kata beliau.

Oleh kerana itu, jika mereka terdiri daripada orang politik, maka tafsiran tetap berbau politik yang didokong oleh seseorang, kata Perdana Menteri.

"Kerap kali pula tafsiran yang salah dibuat atau separuh sahaja daripada ayat yang dipetik dan ditafsir," katanya.

Menurutnya, perpaduan sepenuhnya di kalangan penduduk beragama Islam yang membentuk 60 peratus daripada 22 juta penduduk Malaysia, tidak dapat dicapai ekoran tafsiran berkaitan ajaran agama, termasuk terjemahan serta tafsiran al-Quran yang dibuat secara berbeza-beza kerana kepentingan tertentu.

"Dengan itu ramai orang Islam di Malaysia terkeliru berkenaan dengan ajaran Islam dan bertentangan sesama sendiri dan berpecah-belah," kata Dr Mahathir.

Selagi perbezaan terhadap perkara yang bukan pokok dan tidak melibatkan aqidah dijadikan sebab orang Islam terbahagi kepada puak-puak dan kumpulan yang bermusuhan, selama itulah orang Islam tidak dapat bersatu padu dan bersaudara, kata beliau.

Dalam hubungan itu, Dr Mahathir berkata, majlis Tilawah Al-Quran yang diadakan setiap tahun di negara ini dapat menjadi benteng terhadap salah tafsiran dan penyelewengan yang dilakukan orang tertentu.

"Dengan itu, maka isi kandungan al-Quran serta terjemahan oleh mereka yang tidak berkepentingan lain, dapat diketahui dan ini dapat mengurangkan perbezaan pendapat sesama orang Islam," kata Perdana Menteri.

Majlis tilawah yang bertemakan "Bersyukur Tanda Keteguhan Iman" itu berlangsung selama lima hari sehingga Jumaat ini.

Yang turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman dan Ketua Menteri Datuk Osu Sukam.

-- BERNAMA

JS FAZ